



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENYANTUNI PEKERJA DAN MEMENUHI AMANAH BEKERJA”

28 April 2023 / 7 Syawal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلِ

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Para Tetamu Allah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena sambutan ‘Hari Pekerja’ pada 1 Mei, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“MENYANTUNI PEKERJA DAN MEMENUHI AMANAH BEKERJA”

Manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi memegang amanah dan tanggungjawab yang diperintah dan ditaklifkan kepada kita. Dalam melayari bahtera kehidupan, soal makan minum dan tempat tinggal memerlukan kita memiliki sumber pendapatan dan harta. Antara cara untuk mendapatkan pendapatan dan harta ialah melalui pekerjaan. Dengan sebab itu, terkandung pelbagai perintah dalam al-Quran untuk manusia bekerja. Pelbagai pekerjaan boleh dilakukan oleh manusia. Yang penting, Islam menegaskan agar manusia melakukan kerja yang halal dan mendapat sumber pendapatan secara halal, iaitu sumber pendapatan yang tidak bertentangan dengan syariat,

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



sama ada sebagai peniaga, petani, pekebun, penternak, nelayan, bertukang atau mengambil upah mahupun gaji sebagai penjawat awam atau pekerja swasta.

Bekerja merupakan antara ikhtiar manusia untuk meneruskan kehidupan yang sempurna. Nilai murni pekerjaan amat dititikberatkan oleh Islam. Oleh itu lakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin dengan niat yang betul, menyempurnakan fardu kifayah, berniat melakukannya semata-mata kerana Allah SWT. Sabda Nabi SAW,

مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا اسْتَعْفَا عَنِ الْمَسْأَلَةِ ، وَتَعَطَّفَا عَلَى جَارِهِ ، وَسَعَى عَلَى عِيَالِهِ
جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ مِثْلُ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ

Bermaksud; “Barang siapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada memintaminta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan purnama”. (Riwayat al-Tabarani, dalam Musnad al-Syamiyyin-3465)

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Pekerja merupakan khazanah penting dalam sesebuah negara. Kemajuan negara bergantung pada kebijaksanaan, kecekapan, keikhlasan dan kesungguhan para pekerja menyempurnakan tanggungjawab masing-masing. Para pekerja yang berjaya melaksanakan pelbagai tugas dengan baik, telah menunaikan fardu kifayah untuk membantu menyejahterakan kehidupan manusia. Oleh itu khidmat bakti dan pengorbanan para pekerja wajar diiktiraf dan dihargai. Di Malaysia, peranan dan khidmat bakti para pekerja dihargai dengan diadakan sambutan Hari Pekerja pada 1 hari bulan Mei.

Setiap pekerja di negara ini adalah tertakluk di bawah Akta Pekerja 1955, iaitu suatu akta yang memperuntukkan kemudahan, kelebihan dan hak yang perlu diberikan kepada pekerja. Jika berlaku sebarang pelanggaran hak, pekerja diberikan hak untuk bersuara. Majikan wajib bersifat adil kepada para pekerja, memastikan ganjaran, kebajikan dan keselamatan mereka terjamin. Para pekerja hendaklah diberikan masa kerja yang munasabah dengan upah yang setimpal, diberikan waktu rehat yang cukup, disediakan tempat dan persekitaran kerja yang selamat, selaras dengan maksud ayat 90, surah An-Nahl yang khatib baca pada awal khutbah;



“Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada kaum kerabat dan Allah melarang daripada perbuatan keji, kemungkaran dan kezaliman. Dia memberi pengajaran kepada mu agar kamu dapat mengambil pelajaran”.

Islam mewajibkan umatnya berbuat baik dan berlaku adil kepada semua pihak serta dilarang melakukan sebarang penindasan atau kezaliman. Majikan hendaklah menyantuni para pekerja selaras dengan semangat yang terkandung dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, bermaksud:

Baginda bersabda: “Sesungguhnya saudara-saudara (hamba) kalian adalah tanggungan kalian, Allah menjadikan mereka di bawah tangan kalian, maka siapa yang saudaranya berada di bawah tangannya, hendaklah dia memberi makan dari apa yang ia makan, dan memberi pakaian dari pakaian yang ia pakai, dan janganlah kalian membebani mereka dengan apa yang mereka tidak sanggup, maka bantulah mereka”.

Berdasarkan hadis ini, Baginda SAW memerintahkan supaya diberi layanan baik kepada hamba sahaya. Sedangkan, hamba pun perlu disantuni, apatah lagi layanan yang perlu dilakukan terhadap warga kerja merdeka yang bukan bertaraf hamba. Mengambil iktibar tersebut, mimbar menyenaraikan tujuh saranan agar dijadikan panduan para majikan menyantuni pekerja:

Pertama: Memastikan para pekerja diberikan ganjaran secara setimpal, adil dan saksama dalam semangat berkongsi laba dan keuntungan. Baginda SAW memberi peringatan melalui hadis yang bermaksud “Berilah upah pekerja, sebelum kering peluhnya”.
(Riwayat Ibn Majah-2443)

Islam amat menitikberatkan kebajikan seorang pekerja. Dalam satu hadis *qudsi* Nabi SAW memperingatkan, “Terdapat tiga golongan yang akan menjadi musuh Ku pada hari kiamat ...(salah satunya ialah) orang yang memberi kerja kepada seseorang kemudian setelah pekerja memenuhi tugasnya, upahnya tidak dibayar”. Imam al-Munawi berkata, ‘Haram hukumnya menunda gaji pekerja sedangkan tidak ada kekangan untuk segera menyerahkannya’. Perintah untuk menyerahkan gaji sebelum kering peluh ialah kiasan atas wajibnya menyegerakan bayaran upah setelah selesai pekerjaan.



Walaupun demikian, bayaran upah boleh dilaksanakan berpandukan kesepakatan yang terjalin antara pekerja dan majikan, sama ada dibayar mengikut jam, harian, mingguan atau bulanan.

Kedua: Mewujudkan suasana dan persekitaran kerja yang selamat, bersih dan harmoni, dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang diperlukan untuk memudahkan kerja-kerja dapat disempurnakan sebaik mungkin.

Ketiga: Memberi perhatian terhadap kebajikan pekerja merangkumi simpanan hari tua, kemudahan rawatan kesihatan dan perubatan, waktu rehat, ruang waktu dan tempat beribadah, perumahan, pengangkutan, dan bekalan pakaian seragam berkualiti kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan.

Keempat: Mengagihkan tugas bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran, serta jantina, kekuatan fizikal, usia dan tahap kecergasan seseorang petugas.

Kelima: Mengenal pasti dan memahami bakat dan kelebihan yang dimiliki pekerja dengan memberi tajaan latihan yang dapat meningkatkan kemahiran seterusnya kualiti kerja.

Keenam: Mengamalkan sifat majikan yang bertimbang rasa, sedia berunding, mendengar dan sentiasa meraikan kepelbagaian pandangan.

Ketujuh: Melaksanakan keadilan berdasarkan merit atau pencapaian pekerja ketika menimbangkan penempatan dan urusan naik pangkat.

Mukminin yang dikasihi,

Islam meletakkan sifat *al-qawiy* iaitu kekuatan mengurus, dan *al-amin* iaitu amanah; sebagai tunjang yang menghiasi seseorang pekerja. Tidak ada pekerjaan yang boleh dilakukan secara mudah dan sambil lewa. Tenaga kerja yang banyak menjadi suatu pembaziran jika pekerjaan tidak dilakukan secara tekun dan khusyuk. Oleh itu mimbar menyeru para pekerja agar menghayati falsafah ibadah ketika melaksanakan kerja dan meningkatkan azam menerimanya sebagai amanah yang telah dipertanggungjawabkan ke atas diri kita, selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qasas, ayat 26:

﴿قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾﴾



Bermaksud: “Salah seorang daripada kedua (perempuan) itu berkata, “Wahai ayah ku! Jadikanlah dia (Musa AS) sebagai pekerja (kita), sesungguhnya orang yang paling baik yang engkau ambil sebagai pekerja ialah orang yang kuat lagi amanah”.

Menjelang sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei, mimbar memperingatkan tiga perkara berikut:

Pertama: Jadikanlah diri kita seorang pekerja yang ikhlas, bersih, jujur dan amanah. Jadikanlah sifat malu sebagai perisai dalam apa juga tindakan agar sumber rezeki untuk nafkah ahli keluarga halal lagi berkat.

Kedua: Jadikanlah diri kita seorang pekerja yang berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran dengan terus menghadiri pelbagai latihan, bengkel dan kursus agar berupaya menguasai ilmu, pengetahuan dan kemahiran baharu.

Ketiga: Jadikanlah pekerjaan sebagai ibadah dengan mencari reda Allah SWT agar kita dilimpahi perlindungan dan petunjuk dari Nya jua.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ
بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Terimalah kerja yang kami usahakan sebagai ibadah. Jauhi kami daripada sikap sambil lewa semasa bekerja. Ilhamkan kami dengan pemikiran yang segar untuk berupaya membawa perubahan ke arah kebaikan ummah dalam setiap kerja yang kami diamanahkan.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT



جامعة السلطان أزlan شاه
UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH
SULTAN AZLAN SHAH UNIVERSITY
DUO48(A)

LAMPIRAN A

SUKACITA DIMAKLUMKAN UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS) MILIK PENUH KERAJAAN NEGERI PERAK MEMPELAWA PELAJAR LEPASAN SPM, STPM & STAM UNTUK MENYAMBUNG PENGAJIAN DI PERINGKAT ASASI, DIPLOMA, DAH IJAZAH SARJANA MUDA.

PENGAMBILAN PELAJAR SESI JULAI 2023 SEDANG DIBUKA HINGGA **07 JULAI 2023**. PERMOHONAN SECARA ONLINE BOLEH DIBUAT MELALUI www.usas.edu.my ATAU UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI 05-7732298.